

609:  
MAHATHIR

1976  
ALOR SETAR, 16 MAC (BERNAMA) — TIMBALAN PERDANA MENTERI, DR. MAHATHIR MOHAMED MENGUMUMKAN HARI INI, SEBUAH FAKULTI PENGAJIAN ISLAM AKAN DIADAKAN DI UNIVERSITI MALAYA TIDAK LAMA LAGI.

LANGKAH INI, KATANYA, ADALAH SALAH SATU USAHA KERAJAAN MENINGKATKAN LAGI DARJAH SEKOLAH-SEKOLAH UGAMA ISLAM KE TINGKATAN YANG LEBIH TINGGI.

DR. MAHATHIR YANG JUGA MENTERI PELAJARAN BERKATA DEMIKIAN DI SATU PERJUMPAAN DENGAN PENDUDUK LAPAN BUAH KAMPUNG DI SEKOLAH MENENGAH UGAMA KAMPUNG MELELE, 23 BATU DARI SINI.

BELIAU MENERANGKAN, KEMENTERIAN PELAJARAN SEDANG DALAM PROSES MENGAMBIL ALIH PENTADBIRAN SEKURANG-KURANYA SEBUAH SEKOLAH UGAMA DALAM TIAP-TIAP NEGERI DI NEGARA.

INI MEMBOLEHKAN KERAJAAN MEMPERCEPATKAN LAGI PENYALURAN BANTUAN KEPADA SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH UGAMA UNTUK MENJADIKANNYA SEKOLAH BANTUAN PERUH.

SELAIN DARI ITU, KERAJAAN JUGA AKAN MENGHANTAR LEBIH RAMAI PELAJAR MELANJUTKAN PELAJARAN DI LUAR NEGERI SAPERTI DI MESIR, INDIA, PAKISTAN, BANGLADESH DAN INDONESIA.—BERSAMBUNG BY/1950

610:  
MAHATHIR 2 ALOR SETAR

KERAJAAN JUGA TELAH MENAMBAHKAN PERUNTUKAN BAGI KEMAJUAN SEKOLAH-SEKOLAH UGAMA DI BAWAH RANCANGAN MALAYSIA KETIGA.

DR. MAHATHIR SUKACITA KERANA BANYAK SEKOLAH UGAMA TELAH DI-LENGGAPKAN DENGAN KEMUDAHAN-KEMUDAHAN UNTUK PENGAJIAN MATAPELAJARAN SAINS.

KATANYA, KERAJAAN JUGA MENGGALAKKAN PENGAJARAN PENGETAHUAN UGAMA ISLAM DI SEKOLAH-SEKOLAH UNTUK MENGHINDAR PARA BELIA DARI-PADA MUDAH DIPENGARUHI OLEH ANASIR-ANASIR YANG TIDAK DIINGINI.

BELIAU MENAMBAH, BELIA-BELIA YANG MENDAPAT PELAJARAN UGAMA YANG SEMPURNA AKAN MEMPUNYAI MORAL TINGGI, TINGKAH LAKU YANG BAIK DAN INI DAPAT MENCEGAH MEREKA DARIPADA TERLIBAT DALAM KEGIATAN SEPERTI MENYALAHGUNAKAN DADAH.—BERNAMA BY/1952

613a  
MAHATHIR 3 ALOR STAR (SAMBUNGAN BERITA 610)

SEBELUM ITU, KETIKA MERABNIKAN MESYUARAT AGUNG UMNO CAWANGAN KODIANG DI SEKOLAH KEBANGSAAN KODIANG, 25 BATU DARI SINI, DR. MAHATHIR MENYERU RAKYAT SUPAYA MENATUHI UNDANG-UNDANG DAN JANGAN MENIKIRKAN TENTANG KEPENTINGAN DIRI SENDIRI.

DENGAN BERBUAT DEMIKIAN, NEGARA AKAN MENJADI LEBIH AMAN DAN MAKMUR DAN TIDAK ADA NEGARA LAIN YANG DAPAT MENGHANCURKAN SUASANA AMAN DAMAI YANG DINIKMATI OLEH RAKYAT.

DR. MAHATHIR BERKATA, RAKYAT MALAYSIA ADALAH TERKENAL KERANA SIKAP MEREKA BANGAT MEMATUHI UNDANG-UNDANG DAN JUGA MENGHORMATI NILAI-NILAI HIDUP ORANG LAIN.

MENGENAI PERASAAN IRI HATI DIANTARA BERBAGAI KAUM TERHADAP KEJAYAAN KAUM-KAUM LAIN, DR. MAHATHIR BERKATA KERAJAAN MEMANG Sedar TENTANG UJUDNYA PERASAAN SEPERTI ITU.

KATANYA, RAKYAT BESTILAH MEMBERHENTIKAN PERASAAN CURIGA MEN-CURIGA ANTARA SATU SAMA LAIN KERANA APA YANG DILAKUKAN OLEH KERAJAAN ADALAH UNTUK FAEDAH SEMUA KAUM DAN BUKAN UNTUK SATU-SATU KAUM TERTENTU SAHAJA. — BERNAMA 2022/A1

256